

07 MAY 1996

Parlimen-Bahas

PEMBANGKANG SARAN PENUBUHAN BADAN PENYEMAK PENSWASTAAN

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Ketua Pembangkang, Encik Lim Kit Siang hari ini mencadangkan supaya ditubuhkan satu Badan Penyemak Penseejahteraan untuk menyemak semua kadar bayaran dan kutipan yang dikenakan bagi perkhidmatan yang telah diswastakan.

Beliau memberitahu persidangan Dewan Rakyat bahawa langkah itu bagi memastikan kepentingan pengguna tidak dikorbankan untuk memenuhi sikap tamak sesetengah pihak korporat yang mengendalikan kemudahan tertentu.

Ketika membahaskan usul Rancangan Malaysia Ketujuh yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, Lim (DAP-Tanjong) berkata badan penyemak itu harus mendapatkan akses kepada semua dokumentasi termasuk kenyataan akaun dan pendapatan yang diramalkan supaya ia dapat membuat kajian mengenai apa yang dapat diterima sebagai kadar kutipan dan bayaran perkhidmatan yang telah diswastakan dengan adil dan saksama.

Katanya, sebelum kerajaan membuat keputusan muktamad mengenai kadar atau kutipan tol atau sebarang perkhidmatan penseejahteraan lain, ia harus mengambil kira cadangan-cadangan badan penyemak itu.

Menurutnya, pada masa ini kepentingan pengguna tidak diwakili dalam sebarang pertimbangan terhadap kadar bayaran swasta yang dikenakan, sama ada tol lebuhraya ataupun perundingan antara Tenaga Nasional dan Ekran Bhd mengenai harga jualan elektrik daripada projek hidroelektrik Bakun yang sedang dilaksanakan itu.

Lim yang juga Setiausaha Agung DAP juga mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula perjanjian tol Lebuhraya Utara-Selatan dengan PLUS yang diberikan hak menaikkan kadar tol 24 kali dalam tempoh konsesi 30 tahun.

Katanya ini tidak adil kerana ia bermakna syarikat berkenaan dapat mengutip lebih RM100,000 juta melalui tol dalam tempoh itu.

Beliau juga menyarankan kepada Kabinet supaya segera membatalkan keputusannya untuk membenarkan Kamunting Corporation meneruskan kutipan tol di jalan Kuching dan sebaliknya diadakan satu tender terbuka untuk menentukan konsesi baru bagi kerja peningkatan status di bahagian jalan berkenaan.

Katanya, Kamunting Corporation, yang sepatutnya menghentikan kuitipan tol 8 Jan lepas, harus membayar balik semua kutipan yang telah dilakukan secara tidak sah dalam empat bulan yang lepas.

Menurutnya, syarikat berkenaan perlu menderma semula wang yang dikutip itu untuk kerja awam sekiranya wang berkenaan tidak dapat dipulangkan kepada pengguna.

Sehubungan itu, katanya, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu harus membentangkan satu laporan penuh bagi menjelaskan sebab mengapa Kabinet merahsiakan perkara itu.

Laporan itu perlu menyatakan mengapa dan bilakah Kabinet membenarkan syarikat itu meneruskan pengutipan tolnya sungguhpun tempoh konsesi telah tamat, serta jumlah pengutipan tol syarikat itu dalam tempoh konsesi sembilan tahun yang lepas serta untung yang diperolehi.

Beliau juga berharap Rancangan Tindakan Kebangsaan Teknologi Maklumat (IT) yang hendak diwujudkan kerajaan di bawah rancangan sekarang akan membenarkan perbincangan dan penyertaan orang ramai yang seluas-luasnya.

Seorang penyokong kerajaan, Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) mencadangkan supaya Kerajaan mewujudkan satu pasukan petugas khas bagi mengatasi masalah kegagalan pelajar luar bandar dalam mata pelajaran sains

tulen, matematik dan Bahasa Inggeris.

Beliau khuatir jika masalah itu tidak dibendung akan wujud jurang perbezaan pengetahuan di kalangan generasi luar bandar dan bandar.

Menurut beliau, jurang perbezaan pengetahuan itu akan lebih kritikal kerana pengetahuan ketiga-tiga subjek itu amat diperlukan dalam zaman digital dan global sekarang.

Beliau juga mencadangkan supaya kerajaan membanyakkan pengambilan pelajar luar bandar yang gagal dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk memasuki institusi latihan kemahiran atau vokasional.

Beliau turut mencadangkan supaya pihak swasta digalakkan melatih semula tenaga pekerja mereka ke arah pengendalian sistem pembuatan berbantuan komputer.

Ini kerana beliau bimbang apabila teknologi moden menguasai sektor pembuatan, ribuan anak Malaysia akan terpinggir jika mereka tidak didedahkan dengan teknologi moden itu.

Ruhanie turut mencadangkan supaya satu dana pembangunan jalan kampung ditubuhkan memandangkan masih banyak jalan kampung yang belum terturap walaupun negara telah jauh membangun.

Haji Abdul Hadi Awang (Pas-Marang) berkata kerajaan perlu mengamalkan sikap adil dalam apa jua aspek kepada mereka yang berhak.

Katanya, keadilan amat penting kerana sesuatu perkara yang dibuat tanpa mengikut keadilan boleh mengalami kehancuran.

Katanya, ada projek yang diluluskan tanpa mengikut aspek yang ditetapkan dan ini mengakibatkan kerugian sama ada dalam bentuk kerosakan alam sekitar atau tiada keuntungan.

Menurutnya, dalam melaksanakan sesuatu perkara, kejujuran perlu diberi perhatian kerana ini amat ditegaskan dan dipentingkan dalam Islam.

Persidangan Dewan Rakyat disambung esok. -- BERNAMA

ARA NZ NMO